

# Dr M ingatkan pentadbir awam supaya berhati-hati

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan para pentadbir sektor awam supaya berhati-hati dalam menggunakan konsep-konsep dan piawai pembangunan yang umum digunakan di peringkat Antarabangsa.

Ini ialah kerana mereka juga terpaksa mengekalkan kebudayaan dan identiti bangsa di samping mengejar kemajuan ekonomi dan pembangunan negara, katanya di perasmian Seminar Sistem-sistem Penerbangan Dalam Pentadbiran Awam di sini. Ucapannya dibacakan oleh Timbalan Menteri Perdagangan

## PETALING JAYA, Khamis

dan Perindustrian, Datuk Lew Sip Hon.

Datuk Seri Dr. Mahathir menambah, setakat ini pentadbir-pentadbir awam Malaysia telah dapat memainkan peranan itu dengan berkesan melalui satu struktur pentadbiran awam yang disusun rapi.

### Teknologi

Katanya, Kerajaan sentiasa berusaha mendapatkan cara yang menyeluruh dan berkesan bagi menentukan la dapat mengikut perkembangan di bidang ke-

sihatan, pelajaran dan kebajikan.

Bellau menambah, oleh itu penggunaan teknologi dan piawai Antarabangsa yang moden adalah digalakkan.

Bellau berkata, untuk menjamin peresuaiannya dengan keadaan negara, analisa yang mendalam seperti yang dilakukan dalam seminar tersebut adalah dirasakan sangat perlu dan berfaedah untuk pentadbir-pentadbir awam semua.

Pada tahun 1977, terdapat 50 komputer digunakan di negara kita ini dan dari jumlah tersebut 36 daripadanya adalah digunakan di jabatan-jabatan Kerajaan serta institusi-institusi pengajian tinggi yang dibantu oleh Kerajaan tambah bellau.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, ini membuktikan bahawa Kerajaan Malaysia adalah menjadi penganjur atau kadar di bidang penggunaan teknologi tersebut.

Katanya, mungkin kini telah tiba pula ketikanya untuk pentadbir-pentadbir sektor awam menoleh sejenak untuk memerhatikan kesan-kesan daripada perkembangan teknologi terhadap infrastruktur pentadbiran negara kita.

Malaysia patut berbangga kerana ternyata negara ini mempunyai tenaga-tenaga bijak pandai yang mampu untuk menganalisa dan memilih teknologi yang paling sesuai untuk pembanguan negara, tambahnya.

Tetapi tidaklah wajar untuk kita berpuas hati pula, kerana tugas di hadapan kita masih berat dan penuh dengan berbagai cabaran yang memerlukan ketabahan dan kesungguhan dari setiap anggota jentera pentadbiran negara, sekiranya kita ingin mengekalkan kemajuan yang telah dicapai setakat ini, kata bellau.

Timbalan Perdana Menteri mengingatkan bahawa setiap penggunaan teknologi baru tidak seharusnya mengempikan lansung keadaan sekitar masyarakat di mana teknologi itu digunakan.

Katanya, lantaran itu sudah sewajarnya bagi para peserta seminar membincangkan secara mendalam mengenai penggunaan teknologi memproses data elektronik khasnya mengenai garis-garis panduan dasar negara bagi mentadbirkan dan menyediakan tenaga-tenaga pengerak dari Malaysia sendiri untuk menentukan bahawa penggunaan teknologi tersebut benar-benar mencapai matlamatnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan telah menjalankan perhubungan yang erat dengan Kerajaan asing serta agensi-agensinya antarabangsa bagi menjayakan pemindahan teknologi dan diharap seminar tersebut akan membantu kearah pencapaian matlamat tersebut. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

6 Jul 1978  
Rm 1089/80